

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA  
DI SANDAKAN DI NEGERI SABAH  
TUNTUTAN NO. TTPM-SAB-(P)-75-2022**

**ANTARA**

**LOONG LEE KEN**

**.... PIHAK YANG MENUNTUT**

**DAN**

**SI RESOLUTIN ENTERPRISE**

**... PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Latar Belakang Tuntutan**

- (1) Pihak Yang Menuntut (“PYM”) telah melantik Pihak Penentang (“PP”) untuk membuat dua (2) pagar berjenis stainless steel bagi kegunaan rumah kediaman dengan membayar deposit sebanyak RM3,920.00 pada 17.02.2022.
- (2) PP telah mengisukan satu resit untuk bayaran deposit tersebut.
- (3) Spesifikasi dan reka bentuk pagar tersebut telah dilukis dalam sekeping kertas bersama-sama dengan ukuran pagar tersebut dan PP maklum atas spesifikasi dan ukuran tersebut.

- (4) Tempoh masa yang dipersetujui untuk menyiapkan pagar ini adalah dalam masa dua (2) minggu iaitu pada 3.3.2022.
- (5) Semasa PYM pergi memantau kerja-kerja PP pada 26.2.2022, PYM mendapati pagar tersebut tidak menepati spesifikasi yang telah diberikan di mana pintu kecil pada pagar itu sepatutnya menggunakan *square tube* 1" tetapi PP telah menggunakan *rectangular tube* 1 ¾ ". PP berjanji untuk membetulkan pagar tersebut.
- (6) Pada 28.2.2022, PYM sekali lagi memantau kerja PP dan mendapati saiz pintu kecil di pagar tersebut masih salah. Pada masa itu, PP memberitahu PYM bahawa beliau akan membatalkan pembuatan satu (1) pagar tetapi akan meneruskan pembuatan pagar yang sedang dibuatnya itu.
- (7) Pada 3.3.2022, PYM menelefon PP sama ada pagar yang satu (1) itu telah siap. Pada masa itu, PYM mendapati pagar tersebut masih tidak menepati spesifikasi yang diberikan.
- (8) PYM meminta balik deposit yang telah dibayar kepada PP.
- (9) Pembelaan PP adalah bahawa beliau telah dua (2) hari sebelum tarikh tempoh siap siapkan kerja untuk pagar tersebut sebanyak 70% dan beliau mempertikaikan pemulangan deposit atas sebab kos pengangkutan dan kos material sudah dikeluarkan untuk membuat pagar tersebut.

## Award

- (1) **Seksyen 33 (1) Akta Perlindungan Pengguna 1999** menyatakan bahawa:-

*Tertakluk kepada subsekyen (2), gerenti yang berikut hendaklah tersirat jika barang dibekalkan kepada pengguna:*

*(a) bahawa barang itu adalah semunasabahnya sesuai bagi apa-apa maksud tertentu yang telah dimaklumkan, secara nyata atau tersirat, oleh pengguna kepada pembekal sebagai maksud barang itu diperolehi oleh pengguna; dan*

*(b) bahawa barang itu adalah semunasabahnya sesuai untuk apa-apa maksud tertentu yang telah dinyatakan oleh pembekal bahawa barang itu sesuai atau akan menjadi sesuai baginya.*

- (2) Setelah mendengar keterangan daripada PYM dan PP, Tribunal memutuskan bahawa adalah tanggungjawab pembekal untuk memastikan barang-barang yang dibekalkan kepada pengguna dibekalkan dan disiapkan pada masa yang dipersetujui dan barang tersebut semestinya mengikut kesesuaian bagi maksud tertentu barang tersebut.
- (3) Dalam kes ini, PP telah gagal menghasilkan pagar yang telah dipesan oleh PYM mengikut spesifikasi yang dikehendakinya.

(4) Maka Tribunal memberikan award di Borang 10 seperti berikut:-

PP hendaklah membayar balik RM3,920.00 kepada PYM dalam masa 14 hari dari tarikh award.

Bertarikh: 23 Ogos 2022

t.t

**LARINA WONG SHIAO YEE**

**PRESIDEN**

**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA MALAYSIA**